

# Disimpan lebih 48 bulan

## Kastam sita 32 kenderaan import pelbagai jenis bernilai lebih RM8.45 juta

Sebanyak 32 kenderaan import pelbagai jenis bernilai lebih RM8.45 juta dirampas dan disita Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam dua serbuan di syarikat import kenderaan sekitar Lembah Klang, pada 29 Julai hingga 7 Ogos lalu.

Serban menerusi Ops Purple oleh Bahagian Penguatkuasaan JKDM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dilakukan di Setapak dan Sungai Peting, Damansara, Selangor.

Pengarah JKDM WPKL, Wan Norizan Wan Daud berkata, dalam serbuan pasukan mengesan kenderaan import disyaki tidak bertastam kerana dismpan melebihi tempoh 48 bulan di gudang berlesen.

"Hasil pemeriksaan rapi menemukan sebanyak 32 unit kenderaan import yang disyaki tidak bertastam dianggarkan bernilai RM3.07 juta dengan jumlah duti import dan cukai dianggarkan RM5.38 juta.

"Pemeriksaan awal mendapati pemilik gudang gagal mematuhi syarat dalam lesen mengikut Seksyen 65(2) dan Seksyen 65(5) Akta Kastam 1967," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, siasatan mendapati mereka meng-



WAN Norizan (tengah) melihat antara kenderaan import disyaki tidak bertastam yang dirampas dalam dua serbuan berasingan di sekitar Lembah Klang.

gunakan modus operandi menyalahgunakan pengecualian duti yang dibenarkan mengikut Seksyen 4 Akta Kastam 1967.

Katanya, kes itu masih dalam siasatan lanjut JKDM.

Dalam pada itu, Wan Norizan berkata, JKDM WPKL sudah merekodkan 353 kes membabitkan nilai rampasan termasuk duti dan cukai berjumlah RM72.12 juta sepanjang tempoh Januari hingga Ogos lalu.

Menurutnya, rokok putih dan kretek mencatatkan kes tertinggi dengan 159 kes membabitkan rampasan termasuk duti dan cukai bernilai RM6.71 juta diikuti minuman keras dengan 77 kes babitkan nilai

rampasan RM11.49 juta. Katanya, JKDM WPKL turut berjaya merekodkan 25 kes rampasan dadah disyaki bunga gajaja (RM8.67 juta) manakala 10 kes besi import tanpa permit (RM8.88 juta), satu kes

Hasil pemeriksaan rapi menemukan sebanyak 32 unit kenderaan import yang disyaki tidak bertastam dianggarkan bernilai RM3.07 juta dengan jumlah duti import dan cukai dianggarkan RM5.38 juta"

Wan Norizan Wan Daud

dron tanpa permit (RM1.57 juta) dan 81 kes lain-lain komoditi (RM34.73 juta).

"JKDM WPKL terus komited memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang kastam dalam usaha, membantaras aktiviti penyeludupan," katanya.

Beliau turut menyeri orang ramai membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain.

Orang awam boleh menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau pejabat JKDM berdekatan.